

ANALISIS DEIKSIS PERORANGAN DALAM BAHASA BUGIS DI KAMPUNG SIMPANG EMPAT, KUNAK, SABAH

*Analysis of Personal Deixis in Bugis Language in
Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah*

¹MOHAMAD SUHAIZI SUHAIMI

²NUR IZZA SHUHADA AHMAD

^{1&2}Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Muar, Johor.
Penulis/Penghubung: ¹msuhaizi@iium.edu.my; ²izzashuica@gmail.com

Dihantar/Received: 17 Ogos 2023 | Penambahbaikan/Revised: 6 Disember, 2023

Diterima/Accepted: April 2024, Terbit/Published: 30 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v35i1.5104>

Abstrak Masyarakat Bugis sinonim dengan keunikan budaya dan bahasa yang mereka miliki, namun masyarakat kurang didekah dengan konteks pertuturan deiksis dalam kalangan masyarakat Bugis terutamanya deiksis perorangan. Kajian ini memfokus kepada dua objektif utama iaitu untuk mengenal pasti deiksis perorangan yang terdapat dalam masyarakat Kampung Simpang Empat Kunak, Sabah dan menganalisis penanda kesantunan bahasa Bugis yang dituturkan oleh empat jenis kaum Bugis iaitu Bugis Bone, Bugis Rappang, Bugis Pinrang dan Bugis Enrekang di Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah dengan mengaplikasikan Strategi Kesantunan Grice (1975) berserta kaedah kualitatif. Hasil dapatan kajian memperlihatkan struktur penggunaan deiksis perorangan dari empat kaum Bugis. Sebagai contoh, penggunaan Kata Ganti Nama Diri Pertama (KGNDP) iyya', -ka yang merujuk kepada saya, manakala Kata Ganti Nama Diri Kedua (KGNDK) idi' yang membawa maksud awak. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dalam penggunaan konteks deiksis perorangan yang dituturkan daripada keempat-empat kaum Bugis di kampung tersebut. Justeru, penggunaan deiksis perorangan dalam pertuturan harian masyarakat Bugis di Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah memperlihatkan nilai kesantunan melalui bahasa Bugis menurut strategi kesantunan Grice (1975) yang terbahagi kepada empat maksim utama iaitu Maksim Kualiti, Maksim Kuantiti, Maksim Pertalian dan Maksim Cara.

Kata kunci: Bahasa Bugis, deiksis perorangan, KGND, strategi kesantunan Grice.

Abstract The Bugis community are synonym with the uniqueness of their culture and language, but the community is less exposed to the context of deixis speech among the Bugis community, especially personal deixis. This study focuses on two main objectives which are to identify the personal deixis found in the community of Kampung Simpang Empat Kunak, Sabah and analyze the politeness markers of the Bugis language spoken by four types of Bugis, namely Bugis Bone, Bugis Rappang, Bugis Pinrang and Bugis Enrekang in Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah by applying Grice's Politeness Strategy (1975). The results of the study show the structure of the use of personal deixis from the four Bugis tribes. For example, the use of the First Personal Pronoun (KGNDP) *iyya'*, *-ka* which refers to me while the Second Personal Pronoun (KGNDK) *idi'* means you. It can be stated that the researcher found that there are similarities and differences in the use of personal deixis contexts spoken by all four Bugis in the village. Therefore, the use of personal deixis in the daily speech of the Bugis community in Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah shows the value of politeness in the Bugis language implemented by Grice's politeness strategy (1975) which is divided into four main maxims which is Maxim of Quantity, Maxim of Quality, Maxim of Relation and Maxim of Manner.

Keywords: Bugis language, personal deixis, KGND, Grice's politeness strategy.

PENDAHULUAN

Pragmatik merupakan bidang kajian penginterpretasian linguistik yang menyumbang kepada makna. Tambahan pula, kajian tentang bidang pragmatik ini semakin mendapat tempat dalam golongan pengkaji. Salwani Abu Bakar (2009) menyatakan bahawa pragmatik merupakan kajian tentang perhubungan antara lambang-lambang berhubungan pentafsir lambang-lambang tersebut ataupun pengguna lambang-lambang tersebut. Selain itu, bidang pragmatik mencakupi subbidang seperti deiksis, tindak tutur, kesantunan dan implikasi percakapan. Deiksis boleh berubah dalam sesuatu kata bergantung kepada penutur atau siapa yang menuturkannya, bergantung kepada waktu dan juga tempat ujaran tersebut dijalankan (Mat

Zaid Hussein, 2016). Selain itu, deiksis terbahagi kepada lima jenis, iaitu deiksis perorangan, deiksis reruang atau tempat, deiksis masa, deiksis wacana dan deiksis sosial. Deiksis memberi tumpuan kepada ekspresi atau makna yang diujarkan oleh seseorang melalui perantaraan bahasa. Dalam hal ini, bahasa merupakan aspek utama dalam mentafsir makna dan setiap masyarakat atau lebih khusus lagi setiap kaum mempunyai bahasa yang tersendiri iaitu bahasa yang digunakan hanya boleh difahami oleh sesetengah masyarakat pemilik bahasa itu.

Kewujudan masyarakat minoriti Bugis di Malaysia memperlihatkan keunikan bahasa yang tidak semua masyarakat dapat memahaminya. Bukan sahaja unik dari segi fonetik dan suku kata, bahasa Bugis ini juga mempunyai susun alur diektetik panggilan dan makna yang berbeza dengan fahaman deiksis bahasa Melayu. Ragam deiksis perorangan ini dapat dilihat menerusi jumlah, jantina, status sosial, dan jarak sosial. Deiksis perorangan bahasa Bugis terdiri daripada tiga bahagian utama sama seperti deiksis perorangan bahasa Melayu menerusi kata ganti nama. Pernyataan tersebut disokong oleh Andi Hasrianti (2014), iaitu deiksis perorangan menerapkan tiga pembahagian dasar seperti dalam kata ganti orang pertama (saya), orang kedua (kamu) dan orang ketiga (dia).

Keunikan bahasa Bugis yang mempunyai bahasa dan tulisan sendiri menjadikan masyarakat ini unik. Hal ini disokong dengan kenyataan Nor Shela Saleh, Mohd Shafie Rosli dan Andi Syukri Syamsuri (2021), iaitu suku etnik Bugis mempunyai bahasa dan tulisan tersendiri yang dikenali sebagai lontarak. Namun, disebabkan faktor persekitaran dan faktor perkembangan teknologi semasa menyebabkan masyarakat Bugis kurang mengutarkan atau menonjolkan bahasa serta tulisan mereka, malah kebanyakan generasi muda yang berketurunan Bugis tidak mampu dan kurang mahir bertutur dalam bahasa Bugis dengan baik. Hal tersebut disokong oleh Nurul Farah Afiqah Abdul Kadir (2022), iaitu bukan sahaja golongan muda tetapi golongan yang berusia juga tidak menggunakan bahasa etnik mereka sedangkan bahasa tersebut menjadi entiti bagi mereka.

Ragam deiksis perorangan ini dapat dilihat pada jumlah, jantina, status sosial, dan jarak sosial. Deiksis perorangan bahasa Bugis terdiri daripada tiga

bahagian utama sama seperti deiksis perorangan bahasa Melayu menerusi kata ganti nama. Hal ini disokong oleh Andi Hasrianti (2014) iaitu deiksis perorangan menerapkan tiga pembahagian dasar seperti dalam kata ganti orang pertama (saya), orang kedua (kamu) dan orang ketiga (dia).

PERNYATAAN MASALAH

Terdapat perbezaan dalam sistem deiksis perorangan daripada sebuah bahasa ke bahasa yang lain kerana berlaku pertambahan dalam ragam perbezaan seperti jumlah, jantina, status sosial, dan jarak sosial. Kajian-kajian deiksis pernah dilakukan oleh Nurul Shahida Jamil dan Maslida (2015, 2017) yang mengkaji deiksis sosial dalam dialek Kedah. Selain itu, kajian lepas daripada Tri Gustaf Said (2022) dalam kajiannya mengkaji kesemua deiksis iaitu deiksis perorangan, deiksis masa, deiksis ruang, deiksis wacana dan deiksis sosial dalam bahasa Bugis di Indonesia. Namun, kajian yang mengkaji deiksis perorangan terhadap bahasa Bugis masih kurang dijalankan di Malaysia. Jika kajian deiksis ini tidak dilakukan terhadap bahasa Bugis, kecenderungan untuk leksikal bahasa Bugis pupus adalah tinggi. Hal ini diperkuat dengan kenyataan sekiranya dibiarkan tanpa sebarang tindakan, tidak mustahil generasi akan datang terus melupakan bahasa Bugis (Nur Farah Afiqah Abdul Khadir, 2022).

Selain itu, kajian deiksis perorangan menyumbang kepada kajian penanda kesantunan dalam bahasa Bugis. Daripada itu, kajian-kajian yang mengkaji penanda kesantunan bahasa iaitu kajian Jahdiah (2019) yang mengkaji penanda kesantunan dalam bahasa Banjar, manakala kajian Najmiah Daud, Abdul Hakim Yassi dan Sukmawaty (2018) penanda kesantunan dalam penolakan yang digunakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Bugis. Seterusnya, kajian Rabayah Tahir (2017) yang mengkaji penanda santun dalam perbualan kanak-kanak Melayu. Kemudian, kajian Murni Mahmud (2011) yang mengkaji penggunaan penanda kesantunan kata ganti benda dalam bahasa Bugis. Namun begitu, kajian terhadap penanda kesantunan terhadap deiksis perorangan bahasa Bugis di Malaysia didapati masih kurang.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti deiksis perorangan bahasa Bugis di Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah.
2. Objektif kedua ialah menganalisis penanda kesantunan dalam deiksis perorangan bahasa Bugis di Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah.

LOKASI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di perkampungan masyarakat Bugis di Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah. Kampung Simpang Empat merupakan sebuah perkampungan yang terletak di sebuah kampung kecil yang terletak pantai timur Sabah iaitu dalam daerah Kunak. Kampung ini terletak pada kedudukan global $4^{\circ} 41' 13.3332''$. Memetik petikan daripada Portal Rasmi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, secara keseluruhannya daerah Kunak mempunyai kepadatan penduduk seramai 80,300 setakat tahun 2020. Majoriti penduduk adalah bersuku Bugis. Kampung Simpang Empat mempunyai sekurang-kurangnya seramai 2,500 jumlah penduduk. Bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan sebahagian masyarakat Bugis yang terdiri dari empat suku. Antaranya ialah suku Bugis Bone, suku Bugis Rappang, suku Bugis Pindrang dan suku Bugis Enrekang. Kewujudan suku-suku Bugis di kampung ini menjadikan faktor penguat pengkaji untuk mencari maklumat mengenai deiksis perorangan bahasa Bugis.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN DEIKSIS

Sorotan kajian daripada Maslida Yusof dan Karim Harun (2021) dalam kajian mereka iaitu Spesifikasi Ruang dalam Kata Kerja Deiktik Datang dan Pergi meneliti kata kerja deiktik datang dan pergi sebagai spesifikasi ruang dalam bahasa Melayu. Kata kerja deiktik atau kata kerja gerak deiktik merujuk kepada mana-mana kata kerja yang menandakan arah bagi sesuatu objek sedang bergerak seperti datang dan pergi. Dalam konteks memahami komponen diektik dalam kata kerja gerak datang dan pergi ini, kajian ini telah menggunakan 100 konkordans kata kerja datang

dan 100 konkordans kata kerja pergi yang diambil daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan Model Talmy yang bertunjangkan konsep pusat deiktik iaitu mengkaji ekspresi deiktik. Hasil dapatan kajian menunjukkan makna “bergerak ke arah” titik yang bukan merupakan lokasi penutur/peserta. Sementara itu, makna leksikal kata kerja datang adalah “gerak ke (arah)” titik yang merupakan lokasi penutur. Selain itu, analisis data dapat menjelaskan bahawa kata kerja gerak datang berdasarkan orientasi perspektif–ketibaan, sedangkan kata kerja gerak pergi berdasarkan orientasi perspektif–perlepasan. Hasil kajian ini secara tidak langsung menunjukkan kelas kata kerja gerak bahasa Melayu seperti mana bahasa-bahasa lain yang telah dikaji mengandungi objek, pergerakannya melalui laluan yang berhubungan dengan objek yang lain (Tanda Tempat).

Hasil penelitian secara langsung mendapati sorotan kajian ini menunjukkan persamaan dari segi subbidang kajian iaitu dalam bidang deiksis. Namun, kajian ini lebih tertumpu kepada deiksis ruang. Secara khususnya berkenaan makna kata kerja deiktik datang dan pergi. Dalam kebanyakan bahasa, kata kerja deiktik datang dan pergi memainkan peranan yang dominan dalam sistem deiktik ruang. Secara relatifnya, kata kerja deiktik adalah kategori kecil dalam deiksis (Maslida Yusof & Karim Harun, 2021). Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan ketara antara kajian lepas dan kajian pengkaji dari segi jenis deiksis yang difokuskan. Sehubungan dengan itu, sorotan kajian lepas ini mengambil data daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka yang membawa makna kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data kualitatif atau secara kajian lapangan.

Selain itu, kajian daripada Maryam Nabilah Alias dan Nurul Jamilah Rosly (2020) dalam kajian mereka Analisis Deiksis dalam Novel *9 Nyawa*. Antara sorotan kajian lepas yang berkenaan dengan kajian ini adalah lebih cenderung kepada analisis semua jenis deiksis dalam novel. Pengkaji-pengkaji telah membuat kajian tentang deiksis perorangan, tempat, masa, sosial dan wacana yang terkandung dalam novel *9 Nyawa*, pengkaji telah berjaya mengenal pasti deiksis-deiksis yang terkandung dalam novel *9 Nyawa*. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kelima-lima jenis deiksis yang dikaji iaitu deiksis orang, deiksis tempat, deiksis masa, deiksis

sosial dan deiksis wacana telah diaplikasikan dalam novel ini. Deiksis yang paling dominan digunakan dalam novel ini adalah deiksis orang iaitu sebanyak 587 deiksis mewakili 44.81 peratus dan jenis deiksis yang paling sedikit digunakan merupakan deiksis wacana dengan 44 deiksis, iaitu 3.36 peratus. Hasil penelitian mendapati kajian ini mempunyai persamaan dari segi subtopik kajian iaitu kajian tentang deiksis. Namun, kajian ini menumpukan kepada kelima-lima jenis deiksis iaitu deiksis perorangan, deiksis tempat, deiksis masa, deiksis sosial dan deiksis wacana yang terkandung dalam novel *9 Nyawa*.

Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Mat Zaid Hussein (2016) dalam kajiannya Wacana Kartun Editorial Berbahasa Melayu: Satu Kajian Pragmatik. Kajian ini meneliti aspek-aspek pematuhan dan penyimpangan prinsip kerjasama dalam perbualan serta kaedah penggunaan bahasa dalam penyampaian wacana kartun editorial berbahasa Melayu. Kajian ini berpandukan pada Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang mencakupi empat maksim utama. Hasil kajian mendapati bahawa hampir semua penutur yang terlibat sama ada secara sengaja mahupun tidak sengaja sering menyimpang daripada Prinsip Kerjasama. Hal ini dapat dikesan melalui perbualan atau ujaran atau yang dituturkan dalam wacana kartun editorial tersebut. Hal ini juga dapat memperlihatkan bahawa perbualan yang berlaku dalam wacana kartun editorial tidak menghasilkan makna secara langsung ataupun makna konseptual semata-mata, tetapi sebaliknya mengandungi maksud yang tersirat. Akhir sekali, hasil dapatan kajian mendapati terdapat kelima-lima unsur deiksis dalam kartun editorial berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam surat khabar *Berita Minggu*, *Mingguan Malaysia* dan *Harian Metro*, terbitan tahun 2006 hingga 2008. Setelah diteliti, kajian ini juga mempunyai persamaan dari segi subtopik kajian iaitu kajian mengenai deiksis. Namun, kajian ini tidak memfokuskan sepenuhnya kepada analisis deiksis semata kerana kajian ini berfokus kepada deiksis wacana yang terkandung dalam kartun editorial berbahasa Melayu.

Kajian yang telah dijalankan oleh Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof dan Karim Harun (2016) yang mengkaji deiksis sosial dalam interaksi masyarakat Melayu Kedah memfokuskan kepada pemilihan dan penggunaan kata nama yang bersesuaian bagi merujuk seseorang atau diri

sendiri. Sebagai contoh, penggunaan kata ganti nama diri dianggap sebagai salah satu aspek deiksis sosial. Deiksis sosial sebahagiannya dibina melalui elemen deiksis orang. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menjelaskan dieiksis sosial dalam interaksi yang berlaku dalam masyarakat Melayu Kedah khususnya di Kampung Kubang Lintah, mukim Lepai, daerah Kota Setar (DKKS). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif mengikut kerangka analisis deiksis Huang (2014). Kajian ini menunjukkan dieiksis sosial mempunyai kaitan dengan dieiksis perorangan yang diungkapkan melalui kata ganti nama diri. Hasilnya, DKKS yang merupakan subdialek Kedah dilihat mempamerkan elemen penggunaan deiksis yang tersendiri yang bukan sahaja cenderung dibentuk melalui bahasa yang digunakan responden tetapi juga melibatkan konseptual yang lebih meluas. Hasil analisis membuktikan setiap penutur deiksis memainkan peranan sebagai penyumbang seperti mana yang diilustrasikan melalui pengajaran yang terhasil. Kajian ini didapati memiliki hampir persamaan dengan kajian yang dilakukan ini, namun berbeza dari sudut kajian kerana kajian ini lebih menumpukan kepada deiksis sosial dan deiksis perorangan dalam interaksi masyarakat Melayu Kedah.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015) iaitu kajian Analisis Deiksis Dialek Kedah. Kajian ini bertujuan mengkaji kategori dan fungsi elemen dieiksis dalam dialek Kedah khususnya di kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai, daerah Kota Setar (DKKS). Data kajian ini diperoleh melalui pengkategorian elemen dieiksis berdasarkan kepada kerangka dieiksis Huang (2104). Hasil kajian ini mendapati DKKS mengandungi kategori deiksis perorangan yang diungkapkan melalui kata ganti nama diri (GND) dan penggunaan vokatif yang diungkap melalui kata panggilan. DKKS juga mempamerkan kategori deiksis masa, dan deiksis reruang. Selain itu, kajian ini menunjukkan kategori deiksis sosial berkait rapat dengan deiksis perorangan iaitu berkenaan kodifikasi status sosial bagi penutur, pendengar atau orang ketiga atau entiti yang dirujuk begitu juga bentuk hubungan sosial antara peserta yang terlibat dalam perbualan. Secara keseluruhan, analisis ini juga memberi gambaran tentang sosiobudaya dan budi bahasa dalam percakapan sebagaimana yang dipamerkan oleh peserta deiksis DKKS. Hasil penelitian kajian ini telah mengkaji empat jenis deiksis iaitu deiksis perorangan, deiksis

ruang, deiksis masa dan deiksis sosial. Kajian ini tidak memfokuskan kepada deiksis perorangan dan hanya mengkaji deiksis dalam dialek Kedah sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah melakukan tinjauan awal sebelum kajian yang sebenar dijalankan. Kajian tinjauan dilakukan berdasarkan rujukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan persampelan, pengumpulan dan analisis data. Tinjauan awal ini adalah untuk mengenal pasti deiksis perorangan yang digunakan oleh masyarakat Bugis di Kampung Simpang Empat, sekali gus melihat penanda kesantunan yang terlibat dalam penggunaan deiksis perorangan bahasa Bugis. Sampel kajian pengkaji terdiri daripada 40 orang responden iaitu masing-masing seramai 10 orang daripada suku Bugis Bone, suku Bugis Rappang, suku Bugis Pinrang dan suku Bugis Enrekang. Dalam kajian ini, tumpuan mengumpul maklumat sampel adalah dari Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah. Responden yang ditemu bual berada dalam lingkungan 20 hingga 90 tahun. Pengkaji telah menemu bual empat orang responden bagi tujuan pengumpulan maklumat tentang deiksis perorangan bahasa Bugis. Temu bual dilakukan secara dalam talian. Sesi temu bual melibatkan topik-topik berkaitan dengan kajian yang difokuskan. Selain itu, pengkaji juga menemu bual responden berkaitan budaya, aktiviti sehari-hari mereka untuk mencari lebih lagi maklumat. Kaedah ini memperlihatkan lebih jelas deiksis perorangan yang diutarakan oleh masyarakat Bugis terutamanya masyarakat Bugis di Kampung Simpang Empat. Selain itu, pengkaji juga dapat memperjelas penanda kesantunan yang digunakan melalui teori Prinsip Kesantunan Grice (1975). Kajian ini turut mengimplementasikan pendekatan NORMs iaitu kaedah pemerolehan responden yang diasaskan oleh Chambers dan Trudgill (1999) yang merupakan pendekatan kajian melibatkan sosial atau masyarakat dan akronim tersebut membawa makna *Non-mobile* yang dikenali sebagai penduduk asal, *Old* merupakan golongan tua, *Rural* merupakan masyarakat yang tinggal di pedalaman dan *Males* merujuk kepada lelaki. Akronim tersebut merupakan kriteria khusus pemilihan responden bagi sesuatu kajian (Muhammad Fareez Adli Zakaria & Mohamad Suhaizi Suhaimi, 2022). Namun, pendekatan ini juga boleh diubah suai mengikut kesesuaian kajian ini. Pengkaji telah menetapkan

lingkungan umur responden iaitu dari 40 tahun sehingga 85 tahun dan mereka merupakan penduduk asal kampung tersebut. Responden-responden yang dipilih juga merupakan penutur natif bahasa Bugis yang tinggal di Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah. Namun begitu, pengkaji tidak dapat memfokuskan kepada responden lelaki sahaja kerana penutur natif bahasa Bugis responden lelaki tidak dapat tampil untuk memberikan dapatan. Oleh hal yang demikian, dapatan yang diperoleh dalam kajian ini boleh diterima dan diguna pakai.

DAPATAN KAJIAN

Merujuk hasil temu bual bersama responden, terdapat perbezaan dan persamaan dalam struktur deiksis perorangan yang dituturkan oleh empat kaum Bugis di Kampung Simpang Empat, Kunak iaitu Bugis Bone, Bugis Rappang, Bugis Pinrang dan Bugis Enrekang. Berikut merupakan senarai bagi perbezaan penggunaan kata antara bahasa Melayu standard (BMS) dengan bahasa Bugis Bone (BB), bahasa Bugis Rappang (BR), bahasa Bugis Pinrang (BP) dan bahasa Bugis Enrekang (BE). Penyenaraian ini merupakan deiksis perorangan yang digunakan dalam keempat-empat suku kaum Bugis.

Jadual 1

Senarai Deiksis Perorangan Bahasa Bugis yang dituturkan
oleh BB, BR, BP & BE

Kaum Bugis Bone	
Bahasa Melayu Standard (BMS)	Bahasa Bugis Bone (BBB)
Saya	<ul style="list-style-type: none">• ale• iyya'• -ka'• u-• ku-• -ku'
Kami/Kita	<ul style="list-style-type: none">• padaiyya'• -ki'• idi'

Awak/Kamu/Kau	<ul style="list-style-type: none"> • idi' • mu- • ta- • -mu • -ta'
Dia/Beliau/Baginda	<ul style="list-style-type: none"> • alena • iyaro • na- • -na • -i
Mereka	<ul style="list-style-type: none"> • padalena • na- • -na • -i
Abang/Kakak	daeng
Adik	anri
Ayah	ambo'
Ibu	Indo'
Golongan berpangkat	<ul style="list-style-type: none"> • arung • andi

Kaum Bugis Rappang

Bahasa Melayu Standard (BMS)	Bahasa Bugis Rappang (BBR)
Saya	<ul style="list-style-type: none"> • -ka • -i • -nga
Kami/Kita	<ul style="list-style-type: none"> • padaiyya' • -ki' • idi'
Awak/Kamu/Kau	<ul style="list-style-type: none"> • iko (kau) • idik (sopan) • -ko • -kik • -mu • -ta
Dia/Beliau/Baginda	<ul style="list-style-type: none"> • alena • iyaro • na- • -na • -i

Mereka	<ul style="list-style-type: none"> • padalena • na- • -na • -i
Abang/Kakak	daeng
Adik	dik
Ayah	ambo'
Ibu	indo.
Golongan berpangkat	<ul style="list-style-type: none"> • Arung • pung • petta • andi • iyye • aji

Kaum Bugis Pinrang

Bahasa Melayu Standard (BMS)	Bahasa Bugis Pinrang (BBP)
Saya	<ul style="list-style-type: none"> • iya • -ku • -ka • aleku
Kami/Kita	<ul style="list-style-type: none"> • padaiyya' • -ki' • idii' • ta-
Awak/Kamu/Kau	<ul style="list-style-type: none"> • idii' • mu- • iko • -mu • -ko
Dia/Beliau/Baginda	<ul style="list-style-type: none"> • alcena • iyaro • na- • -na
Mereka	<ul style="list-style-type: none"> • padalena • na- • -na • -i
Abang/Kakak	daeng
Adik	anri
Ayah	ambo

Ibu	indo, emma'
Golongan berpangkat	arung/andi

Kaum Bugis Enrekang

Bahasa Melayu Standard (BMS)	Bahasa Bugis Enrekang (BBE)
Saya	<ul style="list-style-type: none"> • -ku • -i • -a'
Kami/Kita	<ul style="list-style-type: none"> • ade' • -ki' • idi' • -kan • -ta
Awak/Kamu/Kau	<ul style="list-style-type: none"> • anu • iko(golongan sebaya atau lebih muda) • -mu • -ko • ta- • -ki'
Dia/Beliau/Baginda	<ul style="list-style-type: none"> • na- • -ni
Mereka	ta-
Abang/Kakak	daeng
Adik	anri
Ayah	ambe
Ibu	indo'
Golongan berpangkat	<ul style="list-style-type: none"> • arung • andi

Strategi Kesantunan Grice (1975)

Maksim Kuantiti

Maksim Kualiti

Maksim Pertalian (Hubungan)

Maksim Cara

Rajah 1 Strategi Kesantunan Grice (1975)

i) Perbualan harian responden menggunakan deiksis perorangan

Pada bahagian ini, pengkaji telah mentranskripsikan perbualan harian yang mengandungi deiksis perorangan sewaktu para responden berkomunikasi untuk dijadikan daptan kajian. Berikut merupakan sebahagian daripada transkripsi perbualan harian responden mengikut BBB, BBR, BBB dan BBE.

Jadual 2
Bahasa Bugis Bone (BBB)

Bahasa Bugis Bone (BBB)	Bahasa Melayu Standard (BMS)
R1: Muhamma'ko nak, degaga siri'-siri' mu ka? ditengok ki orang.	R1: Muhammadku nak. Awak tidak berasa malukah kita dilihat orang?
R1: Aga mu pauk?	R1: Apa yang kau buat?

Berdasarkan Jadual 2, responden daripada kaum Bugis Bone telah memperlihatkan penggunaan deiksis perorangan KGNDK iaitu penggunaan ‘-ko’ dan ‘mu’ yang merujuk kepada kau, awak atau kamu. Selain itu, terdapat juga ‘ki’ yang membawa maksud kita.

Jadual 3
Bahasa Bugis Pindrang (BBP)

Bahasa Bugis Pindrang (BBP)	Bahasa Melayu Standard (BMS)
RBP: Apa kau nontong itu?	RBP: Apa yang kau sedang tonton?
Aki: mana ada ambo'	Aki: Saya tidak tonton apa-apa ayah.
RBP: Eh... pura ni iko mengaji?	RBP: Eh... awak sudah mengaji kah?
Aki: belum, bah iyek mengaji lah palek.	Aki: Belum, saya pergi mengaji lah kalau macam tu.

Pada perbualan Bugis Pindrang, penggunaan deiksis perorangan dapat dilihat pada penggunaan panggilan ambo’ yang merujuk kepada ayah. Pada perkataan **iyek** pula menunjukkan tanda hormat seorang anak terhadap bapa nya sewaktu berkomunikasi. Selain itu, penggunaan ‘iko’ yang merujuk kepada kau.

Jadual 4

Bahasa Bugis Rappang (BBR)

Bahasa Bugis Rappang (BBR)	Bahasa Melayu Standard (BMS)
RBR: Encah, nak lo ma' jumaa' Encah: Kegi lipa' ku eh? RBR: Awu silalono pura la sulara, de apo na to degaga lipa', engka mo lipa' lipa'na mi daengmu	RBR: Encah, sudah hampir waktu solat Jumaat. Encah: Di mana kain pelikat saya? RBR: Aduh, mak sudah basuh dengan seluar kamu, kain pelikat sudah tiada, kalau kamu nak, ambil kain pelikat abang kamu.

Jadual 4 pula merupakan BBR. Perbualan ini merupakan perbualan antara ibu dan anak responden (Encah) yang boleh memperlihatkan deiksis perorangan yang digunakan. Deiksis perorangan dapat dilihat pada penggunaan -ku yang dituturkan oleh anak responden *kegi lipa' ku eh?*. Penggunaan -ku merujuk kepada saya. Selain itu, penggunaan -mo yang membawa maksud kamu dalam pertuturan responden *engka mo lipa'*.

Jadual 5

Bahasa Bugis Enrekang (BBE)

Bahasa Bugis Enrekang (BBE)	Bahasa Melayu Standard (BMS)
RBE: De'na kawal e mattoa saudara: Koi kaluku? RBE: Tenniya aji to dibaca ka	RBE: Dia tidak kawal pokok itu saudara: Pokok kelapa? RBE: Bukanlah, ada haji baca lah.

Pada perbualan ini, terdapat deiksis perorangan **-na** yang membawa maksud **dia** melalui ungkapan yang dituturkan oleh responden Bugis Enrekang iaitu *De'na kawal e mattoa*. Pada konteks yang kedua, penggunaan *aji* membawa maksud orang yang telah mengerjakan haji. Panggilan ini merupakan panggilan kehormat atau boleh juga dikenali sebagai golongan bangsawan kerana telah menuai haji.

ii) Strategi kesantunan dalam deiksis perorangan perbualan

Dalam prinsip kesantunan Grice (1975), terdapat empat maksim yang digunakan iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim pertalian (hubungan) dan maksim cara. Pada bahagian ini pengkaji akan mengemukakan maksim-maksim yang terkandung dalam perbualan masyarakat Bugis di Kampung Simpang Empat, Kunak, Sabah.

Jadual 6

Strategi Kesantunan Grice (1975) dalam Perbualan Empat Kaum Bugis

Jenis Kaum	Perbualan	Jenis Maksim
Bugis Bone	Sukri: Ambo'? (Ayah?) RBB: eh, maccule-cule tuttu', awuh si andru' ko, na degaga pa bua' nasulo ma sikolah na lo ko ala jambu. (Eh, main saja kerja kau ni, aduh kau ni, ayah suruh pergi sekolah tapi kau pergi ambil jambu pula) RBB: magai matteri tu nak? (Kenapa kau menangis nak?) Sukri: de' matteri ambo', kakiku sakit jatok pokok. (Mana ada saya menangis ayah, kaki saya sakit jatuh pokok)	Maksim Cara
Bugis Pindrang	RBP: Pura ki' mandre? (sudahkah kau makan?) Aki: iyek RBP: pura ki' matindro? Aki: pura ni ayah.	Maksim Kualiti
Bugis Rappang	Encah: mak, kai-loko sama ondeng. (Mak, kami nak ke sana dengan ondeng) RBP: endro si mello ma callo masilessureng? (Kamu adik beradik nak ke mana lagi?) Encah: me ka makalaja' mak. (Saya nak main layang-layang mak) RBP: mu bitu bawang iseng. (Itu saja lah yang kamu tahu.)	Maksim Pertalian/ Hubungan
Bugis Enrekang	RBE: me anak kita ni haga rasa. (Anak kita ni tidak mempunyai deria rasa) Saudara: ya peddi ih, sakit na maneng ka tojo. (Mana ada sakit tu, ini terlalu sakit) RBE: maggarettajajanna. (Dia kuat juga)	Maksim Kuantiti

Melalui perbualan yang dituturkan oleh responden Bugis Bone, terdapat deiksis perorangan yang terkandung dalam perbualan tersebut. Data tersebut merupakan perbualan yang berlaku antara seorang ayah (BB) dan anaknya bernama Sukri. Perbualan ini dikategorikan dalam kategori Maksim Cara. Hal ini demikian kerana Maksim Cara merujuk kepada strategi seseorang itu berkomunikasi. Penyampaiannya berdasarkan penutur tersebut iaitu sekiranya penutur tersebut menggunakan bahasa kasar dan menyinggung perasaan orang lain, maka kesantunan tidak tercapai. Pada maksim ini, penyampaiannya berdasarkan cara seseorang

ingin berkomunikasi termasuk dalam pemilihan kata yang sopan. Dapat dilihat pada penggunaan kata *awuh si andru'ko* yang membawa maksud ‘aduh, kamu ini’. Pada perbualan ini, responden BB ingin memarahi anaknya kerana telah memanjang pokok jambu. Namun, pemilihan kata yang digunakan tidak menguris hati Sukri. Oleh itu, penggunaan kategori Maksim Cara bertepatan dengan konteks yang ingin disampaikan. Selain itu, deiksis perorangan yang ditunjukkan dalam perbualan tersebut menunjukkan kesantunan yang digunakan oleh Sukri yang memanggil ayahnya dengan menggunakan panggilan *ambo'*. Tambahan pula, deiksis perorangan -ko membawa maksud kau.

Seterusnya, pada perbualan BR dikategorikan sebagai Maksim Hubungan atau Pertalian. Maksim Pertalian ini memerlukan kesinambungan sewaktu bertutur iaitu ketika berkomunikasi haruslah relevan dengan perkara yang diucapkan. Penutur perlu bercakap agar tidak menyimpang dari tajuk yang dibicarakan. Hal ini demikian kerana penutur tidak boleh membuat sebarang andaian yang boleh mengelirukan pendengar tentang prinsip kerjasama. Pada konteks perbualan ini, responden BR bertanyakan *Encah*, anaknya yang ingin keluar bermain. Maksim Pertalian dapat dilihat menerusi ungkapan *Encah: mak, kai loko sama ondeng.* (Mak, kami nak ke sana dengan ondeng) *RBP: endro si mello ma callo masilessureng?* (Kamu adik-beradik nak ke mana lagi?) *Encah: me ka makalaja' mak.* (Saya nak main layang-layang mak). Kesinambungan konteks perbualan yang diungkapkan oleh penutur menunjukkan bahawa perbualan tersebut diklasifikasikan sebagai Maksim Pertalian.

Perbualan yang dituturkan oleh responden BP pula menunjukkan bahawa perbualan tersebut merujuk kepada Maksim Kualiti. Maksim ini mermerlukan perbualan yang tidak mempunyai maklumat yang palsu atau tidak benar serta perbualan yang tidak mempunyai bukti yang kukuh. Dalam konteks ini, penutur akan lebih memilih untuk memendam maklumat kerana ketidakcukupan maklumat yang ingin disampaikan kepada pendengar. Dalam konteks perbualan ini, RBP bertanya soalan kepada anaknya tentang perkara yang sudah dia lakukan. Sebagai contoh pada konteks soalan responden BP *Pura ki' mandre?* (Sudahkah kau makan?) dan aki yang merupakan anaknya menjawab ya dengan menggunakan perkataan yang

sopan iaitu *iyyek*. Responden BP juga bertanya *pura ki' matindro?* (Awak sudah tidur ka?) dan aki menjawab sudah. Dalam konteks perbualan ini, maksim kualiti dapat dilihat apabila aki menjawab persoalan yang ditanyakan oleh responden BP dengan ringkas dan padat. Menerusi jawapan yang diberikan oleh Aki dapat menunjukkan bahawa tiada bahasa lewah dalam jawapan yang diberikan.

Maksim Kuantiti yang dikategorikan dalam perbualan BE pula merujuk kepada apabila seseorang berkomunikasi atau bertutur yang perlu disertai dan disokong oleh fakta serta data yang tepat dan jelas. Hal ini demikian kerana bagi mengelakkan daripada menyampaikan sesuatu yang tidak benar atau lemah supaya pendengar boleh menerima kenyataan tersebut dengan hati terbuka. Dalam konteks ini pula, perbualan tersebut dijalankan apabila responden BE menerangkan bahawa anaknya kuat dan tidak merasa sakit melalui ungkapan *me anak kita ni haga rasana* (Anak kita ni tidak mempunyai deria rasa) namun saudara responden menjawab ungkapan tersebut dengan menyatakan bahawa anak kepada responden BE sebenarnya merasai kesakitan tersebut melalui ungkapan *ya peddi ih, sakit na maneng ka tojo* (Mana ada sakit tu, sakit betul ni). Fakta yang menyatakan anak responden BE itu tidak sakit dijawab oleh dirinya sendiri yang menyatakan bahawa anaknya kuat melalui ungkapan *maggareta jajanna* (Dia kuat juga). Oleh itu, perbualan ini diklasifikasikan sebagai Maksim Kuantiti berikutan terdapat ungkapan yang menguatkan jawapan responden BE.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa deiksis perorangan yang digunakan masyarakat Bugis berbeza dengan kaum yang lain. Hal ini demikian kerana masyarakat Bugis sangat mementingkan kesopanan sewaktu berkomunikasi. Namun, tidak ramai generasi muda yang berbangsa Bugis mahir dalam berbahasa Bugis. Kehilangan jati diri seperti ini akan menjadikan bahasa Bugis akan lenyap ditelan arus pemodenan. Kehadiran pewaris bahasa Bugis ini tidak boleh terhenti pada nenek, atuk, moyang atau orang tua sahaja tetapi legasi ini perlu diteruskan dan diperturunkan kepada generasi akan datang. Pemilihan sampel temu bual yang melibatkan

responden daripada empat kaum ini menunjukkan bahawa terdapat kelainan yang ditonjolkan dalam setiap bahasa mereka. Hal ini merupakan usaha untuk sesi bertukar maklumat berkenaan bahasa Bugis di Kampung Simpang Empat, sekali gus memperlihatkan keaslian bahasa Bugis yang digunakan di Malaysia.

RUJUKAN

- Andi Hasrianti. (2014). Kesantunan dan hubungan sosial dalam masyarakat Bugis di Sulsel. *Jurnal Pusaka*, 2(1), 31-51.
- Huang, Y. (2014) *Pragmatics: 2nd Edition*. Oxford University Press.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin, Khairul Azam Bahari & Zulkifli Osman. (2020). Pragmatic marker as a language politeness mitigating device in talk show on spiritual genre. *Palarch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(6), 12142-12158.
- Jahdiah. (2019). Penanda kesantunan imperatif dalam bahasa Banjar: Tinjauan pragmatik. *Telaga Bahasa*, 7(1), 45-54.
- Johar Amir. (2011). Sapaan dalam bahasa Bugis dialek Sidrap. *Masyarakat Linguistik Indonesia*, 29(1), 69-83.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2021). Spesifikasi ruang dalam kata kerja deiktik datang dan pergi. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 402-416.
- Mat Zain Hussien. (2016). Wacana kartun editorial berbahasa Melayu: Satu kajian pragmatik. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim & Wan Azni Wan Mohamad. (2021). Aspek kesantunan dan ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu: Satu kajian perbandingan dua buah negara. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 3(2), 1-20.
- Muhammad Fareez Adli Zakaria & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2022). Hentian glotis dalam kata tanya dialek orang asli suku kaum. *Asian People Journal*, 5(2), 41-49.
- Murni Mahmud. (2011). Politeness practices in Bugis society. *Kajian Linguistik dan Sastra*, 23(1), 19-29.
- Najmiah Daud, Abdul Hakim Yassi & Sukmawaty. (2018). The politeness strategies of negation used by English and Buginese. *ELS Journal on Interdisciplinary Studies on Humanities*, 1(1), 1-12.
- Nor Shela Saleh, Mohd Shafie Rosli & Andi Syukri Syamsuri. (2021). Budaya masyarakat Bugis dalam aspek perkahwinan, komunikasi dan makanan warisan. *Kajian Malaysia*, 40(2), 227-253.
- Nur Farah Afiqah Abdul Kadir. (2022). Penggunaan bahasa Bugis di kalangan komuniti di Kampung Batu Puteh, Batu Pahat, Johor. Projek Tahun Akhir. Universiti Malaysia Kelantan.

- Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof & Karim Harun. (2016). Dieksis sosial dalam interaksi masyarakat Melayu Kedah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(11), 44-61.
- Rabayah Tahir & Zaitol Azma Zainon Hamzah. (2018). Penanda santun dalam perbualan kanak-kanak Melayu. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 193-209.
- Salwani Abu Bakar. (2009). Implikatur dalam sajak-sajak Melayu. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Sara Beden. (2019). Prinsip dan strategi kesantunan penulisan dalam artikel ruangan agenda bahasa. *Issues in Language Studies*, 8(1), 105-129.
- Tri Gustaf Said. (2022). Komparasi deiksis bahasa Bugis dialek Barru dengan bahasa Makassar dialek Lakiung. *DEIKTIS: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 2(3), 300-311.

MOHAMAD SUHAIZI BIN SUHAIMI (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah penerbitan dan penyuntingan naskhah serta Sosiolinguistik.

NUR IZZA SHUHADA AHMAD merupakan graduan bagi program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa di Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)